



# SIARAN MEDIA

## KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 88/2024

### MAJLIS PENYERAHAN INSENTIF PROGRAM SENAMROBIK KOMUNITI PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

---

1. Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh hadir bagi menyempurnakan Majlis Penyerahan insentif Program Senamrobik Komuniti Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertempat di Projek Perumahan Awam Seri Sabah, Bandar Tun Razak pada hari ini.
2. YB Menteri telah mengumumkan pemberian insentif tambahan semasa ucapan perasmian program ini pada bulan Mac yang lalu. Pada hari ini, sebanyak **RM10,000.00** diberikan kepada lokasi yang menunjukkan prestasi penyertaan yang memuaskan dan konsisten iaitu **PPA Seri Sabah, Bandar Tun Razak dan PPR Sungai Bunos, Setiawangsa**.
3. Program ini merupakan inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang dilaksanakan menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) di 43 lokasi dengan hasrat **membudayakan sukan dan amalan gaya hidup aktif dalam kalangan masyarakat** terutamanya di peringkat komuniti, termasuk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Projek Perumahan Awam (PPA).
4. Hasil sambutan yang menggalakkan dari pihak komuniti di lokasi PPR / PPA, pelaksanaan program ini boleh diteruskan pada tahun hadapan dengan beberapa penambahbaikan akan dibuat bagi memastikan lebih ramai penduduk dapat menyertai aktiviti senamrobik ini.
5. Objektif program adalah seperti berikut:
  - 3.1 menggalakkan **gaya hidup aktif dan cergas** dalam kalangan masyarakat terutamanya melibatkan komuniti PPR dan PPA;

- 3.2 menyemai **pembudayaan sukan dalam kalangan masyarakat** dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan (*sporting nation*);
  - 3.3 memperkukuh **jaringan kerjasama** antara agensi Kerajaan, swasta, NGO Belia, NGO Sukan dan Persatuan Penduduk; dan
  - 3.4 mengukuhkan **perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan komuniti** serta bertindak sebagai langkah intervensi sosial bagi mengelakkan gejala negatif terutamanya melibatkan belia dan anak muda.
6. Program ini dilaksanakan **secara mingguan (hujung minggu)** di **43 PPR/ PPA** seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bermula pada bulan Mac hingga Disember 2024 dengan pengisian sebanyak **44 sesi senamrobik** secara **PERCUMA**.
  7. Penganjuran program juga akan menyumbang kepada **pemeriksaan pembangunan sukan untuk semua** termasuklah dalam kalangan kaum wanita dan warga emas seiring dengan kerangka Malaysia MADANI dan Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030).
  8. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung penganjuran program ini, sila hubungi **JBSN** di talian **03-88713159** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**7 Disember 2024**